



TEKS UCAPAN ALU-ALUAN

**YBHG. DATO' SRI SUBROMANIAM THOLASY
KETUA PENGARAH KASTAM MALAYSIA**

**BERSEMPENA:
MAJLIS MESRA WARGA KASTAM
BERSAMA MENTERI KEWANGAN II BERSEMPENA
SAMBUTAN TAHUN BARU CINA 2018**

**TEMPAT:
DEWAN UTAMA
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
PUTRAJAYA**

**TARIKH:
28 FEBRUARI 2018 | RABU**

**PENOLONG-PENOLONG KETUA PENGARAH KASTAM
SERTA PENGARAH-PENGARAH BAHAGIAN IBU
PEJABAT DAN NEGERI,**

JEMPUTAN-JEMPUTAN DARIPADA NGO,

WAKIL-WAKIL DARIPADA PIHAK MEDIA,

**SETERUSNYA TUAN-TUAN, PUAN-PUAN, WARGA JKDM
DAN MOF YANG SAYA HORMATI SEKALIAN.**

1. **PERTAMA-TAMANYA, TERIMA KASIH DAN TAHNIAH SAYA
UCAPKAN KEPADA PIHAK JAWATANKUASA PENGANJUR
MAJLIS PADA HARI INI KERANA TELAH BERJAYA
MERENCANA PERJALANAN “MAJLIS MESRA WARGA
KASTAM BERSAMA MENTERI KEWANGAN II
BERSEMPENA SAMBUTAN TAHUN BARU CINA 2018” INI
DENGAN SANGAT BAIK.**

2. SAYA JUGA MENZAHIRKAN UCAPAN SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN KEPADA;

☐ **YB. DATUK JOHARI BIN ABDUL GHANI
MENTERI KEWANGAN II,**

☐ **YB. DATO' WIRA OTHMAN BIN AZIZ,
TIMBALAN MENTERI KEWANGAN I, DAN**

☐ **YB. DATO' LEE CHEE LEONG,
TIMBALAN MENTERI KEWANGAN II**

YANG SUDI MELUANGKAN MASA UNTUK HADIR BERSAMA-SAMA DENGAN WARGA KASTAM DALAM MAJLIS PADA HARI INI.

3. SESUNGGUHNYA KEHADIRAN YB. DATO'-DATO' PASTI MENAIKKAN LAGI SEMANGAT SERTA MENYEMATKAN KENANGAN TERINDAH KEPADA SEMUA YANG HADIR PADA MAJLIS SAMBUTAN TAHUN BARU CINA 2018 INI.

4. SAYA JUGA YAKIN BAHAWA PENGANJURAN MAJLIS SEPERTI INI ADALAH USAHA MURNI BAGI MERAIKAN **MASYARAKAT TIONGHUA** BERSEMPENA TAHUN BARU CINA, DI SAMPING MEMUPUK SEMANGAT PERPADUAN, TOLERANSI BERAGAMA DAN KEHARMONIAN ANTARA MASYARAKAT YANG BERBILANG KAUM DI MALAYSIA.

YB. DATO'-DATO', TUAN - TUAN DAN PUAN - PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN.

5. BERSEMPENA DENGAN KETIBAAN **TAHUN ANJING** PADA KALI INI, SAYA PERCAYA KITA DAPAT MENGAMBIL BANYAK IKTIBAR DAN PANDUAN YANG BAIK DARIPADANYA.
6. **“THE YEAR OF DOG”** INI MEMBERI KITA INGATAN UNTUK SENTIASA MENYEMAI SIFAT TAAT SETIA SERTA BERJIWA TULUS DALAM SETIAP PERKARA.
7. SEPERTIMANA YANG SERING DI GAMBARKAN MELALUI SEMANGAT GIGIH HAIWAN BERKENAAN YANG SENTIASA

BERJUANG UNTUK MENCAPAI MATLAMAT YANG TELAH DITETAPKAN PADANYA, DALAM MENEROKA CABARAN-CABARAN BAHARU SERTA MENGORAK MELANGKAH DENGAN PENUH YAKIN BERBEKALKAN ILMU PENGETAHUAN.

8. MUDAH-MUDAHAN TAHUN BARU CINA PADA KALI INI MEMBAWA SINAR KEHARMONIAN SERTA NIKMAT KESEJAHTERAAN BERPANJANGAN KEPADA KITA SEMUA.

YB. DATO'-DATO', TUAN - TUAN DAN PUAN - PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN.

***AWAN BERSUA CITRA BERKISAH,
UKIRAN SUKMA KILAUAN PELITA;
BINALAH SEMANGAT YAKIN MEGAH,
SEMOGA 62 BILLION MENJADI NYATA.***

***MANIS DARA WAJAH PESONA,
BERBAJU CHEONGSAM ANGGUN JELITA;
MAJLIS MESRA TAHUN BARU CINA,
MENGIKAT PERPADUAN SESAMA KITA.***

9. SEBELUM SAYA MENGUNDUR DIRI, SEKALI LAGI SAYA MENZAHIRKAN UCAPAN SEKALUNG PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH KEPADA;

☐ **YB. DATUK JOHARI BIN ABDUL GHANI
MENTERI KEWANGAN II,**

☐ **YB. DATO' WIRA OTHMAN BIN AZIZ,
TIMBALAN MENTERI KEWANGAN I, DAN**

☐ **YB. DATO' LEE CHEE LEONG,
TIMBALAN MENTERI KEWANGAN II**

ATAS KESUDIAN UNTUK BERSAMA-SAMA MERAIKAN SAMBUTAN TAHUN BARU CINA 2018 DENGAN WARGA KASTAM.

10. SAYA MENGHARAPKAN PENGANJURAN MAJLIS SEPERTI INI BERUPAYA MEMBUAHKAN IMPAK POSITIF SERTA MAMPU MENINGKATKAN KECEMERLANGAN JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA KE ARAH MENJADI SEBUAH ORGANISASI CEMERLANG DAN BERPRESTASI TINGGI.
11. SEKIAN, TERIMA KASIH.

DATO' SRI SUBROMANIAM THOLASY
KETUA PENGARAH KASTAM MALAYSIA
28 FEBRUARI 2018